

TEKS UCAPAN
BRIG JENERAL DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS IHTIFAL IHYA' RAMADHAN @ UniMAP
PADA 11 SEPTEMBER 2009
DI DEWAN 2020 KANGAR.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Mengadap Raja Perlis Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, dan Raja Perempuan Perlis Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat menghadiri majlis Ihtifal Ihya' Ramadhan @ UniMAP bersama sekalian warga UniMAP pada petang ini.

Ampun tuanku

Patik juga ingin merafak sembah, menjunjung penuh kasih kepada Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Raja

Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahren Akashah Khalil yang juga Pro-Canselor UniMAP kerana sudi bercemar duli menghadiri majlis pada petang ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli-duli Tuanku pada petang ini memberi seribu kemeriahan kepada kami warga UniMAP.

Ampun tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Berhormat Dato' Mohamad Zabidi Zainal , Setiausaha
Kerajaan Negeri Perlis Wakil YAB Menteri Besar Perlis,

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan
Negeri Perlis dan Datin

Yang Berhormat Ahli – ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
Ahli – ahli Yang Berhormat

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff bin
Haji Hussain Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti
Malaysia Perlis dan Puan Sri,

Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Hjh. Ramlah Adam, Prof.
Universiti Teknologi MARA merangkap Pakar Rujuk Buku
Sejarah Negeri Perlis,

Yang Berusaha Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik & Antarabangsa), UniMAP

Yang Berusaha Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UniMAP

Dif – dif kehormat dan barisan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan
Negeri Perlis.

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan, Ketua-Ketua
Jabatan, wakil-wakil media seterusnya hadirin yang dirahmati
Allah Sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Bersyukur ke hadrat Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayangNya mengizinkan kita semua hamba-nya dapat bersama-sama di malam ke 21 Ramadhan ini untuk berkumpul, berbuka dan seterusnya beribadah berjamaah di bulan penuh ganjaran dan kenikmatan ini.

Semoga apa yang kita lakukan pada malam ini akan mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah SWT. Saya juga mendoakan agar kita semua terus diberikan kekuatan untuk meneruskan ibadat pada 10 malam terakhir ini dan berjaya merebut ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah untuk sekalian hambaNya.

Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa Majlis Ihtifal Ihya' Ramadhan @ UniMAP ini kerana di dalam sibuk mengharungi ibadah puasa namun anda semua tetap memberikan komitmen yang tinggi dalam menyatu idea, menyempurna kerja, menzahir upacara bagi memastikan program ini terlaksana dengan penuh tertib dan jayanya.

Ladies and Gentlemen,

Alhamdulillah... thanks to Allah SWT for giving us the opportunity to gather here at “Majlis Ihtifal Ihya’ Ramadhan” this evening. First, let me begin by extending my warmest welcome to all of you.

Congratulations to the secretariats for making this Iftar a success. I am delighted to be here tonight in the company of all the members of Perlis state government, UniMAP’s staff, students, expatriates and also the international students. May Allah bestow on us his blessings and guide us to fast the month of Ramadhan.

Hadirin hadirat sekalian

Majlis Ihtifal Ihya’ Ramadhan @ UniMAP ini adalah sebahagian dari aktiviti tahunan UniMAP dalam mengimarahkan bulan Ramadhan 1430 Hijrah. Selain majlis ini, sebelum ini turut berlangsung pertandingan Tilawah Al-Quran yang turut disertai oleh Ketua-ketua Jabatan dan Dekan Pusat Pengajian buat pertama kalinya dalam sejarah UniMAP.

Selain itu, turut diadakan, solat Jumaat bersama masyarakat Perlis, forum Perdana, Talkshow Muslimah dan beberapa pertandingan lagi antaranya pertandingan nasyid antara Jabatan dan Pusat Pengajian UniMAP yang akan berlangsung pada minggu terakhir Ramadhan. Besarlah harapan saya agar semua aktiviti yang dijalankan ini dapat memberikan bukan

sahaja pengalaman malah ilmu pengetahuan baru kepada sekalian warga UniMAP yang saya kasihi.

Pada petang ini juga, UniMAP amat berbangga kerana setelah hampir dua tahun menggembeleng usaha dan tenaga, akhirnya Siri Pertama Buku Sejarah Negeri Perlis dapat dilancarkan. Buku yang diberi nama ``Perlis... Selayang Pandang” ini merupakan sumbangan kecil UniMAP dalam merekodkan pembangunan dan sejarah negeri Perlis.

Cetusan idea penghasilan buku ini timbul apabila saya menyedari betapa kurangnya buku-buku penulisan tentang Negeri Perlis Indera Kayangan berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Justeru, atas dasar ingin menyebarkan luas maklumat tentang negeri Perlis dan dengan perkenan DYTM Raja Muda Perlis, sekumpulan penyelidik dan penulis UniMAP mula mengorak langkah mencambah idea, mengumpul maklumat serta membuat kajian dalam merealisasikan hasrat ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pakar Sejarah, Datuk Prof. Dr. Hjh. Ramlah Adam yang bertindak sebagai pakar rujukan dalam penghasilan buku ini. Sesungguhnya, jasa dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau amat kami hargai.

Untuk makluman anda, buku ini Insya Allah akan diterbitkan dalam beberapa siri iaitu,

- Siri 2 - Sistem Pendidikan
- Siri 3 - Sistem Politik
- Siri 4 - Institusi Beraja
- Siri 5 - Governmen & Hubungan Luar
- Siri 6 - Sistem Ekonomi
- Siri 7 - Kebudayaan

Besarliah harapan kami agar penghasilan buku Sejarah Perlis ini dapat memberi manfaat besar kepada seluruh masyarakat perlis khususnya golongan muda.

Hadirin sekalian,

Selain penghasilan buku Sejarah Perlis ini, pihak UniMAP juga dalam usaha menghasilkan Buku Dialek Negeri Perlis yang memuatkan perkataan-perkataan asal negeri Perlis. Tujuannya untuk memperkenalkan bahasa asal Negeri Perlis yang sering digunakan masyarakat di negeri ini mengikut kawasan masing-masing. Saya percaya buku ini dapat dijadikan rujukan kepada para pelajar luar Negeri Perlis dalam memahami bahasa dan budaya negeri ini.

Apa yang paling istimewa bagi buku Dialek Negeri Perlis ini ialah bakal dihasilkan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Para pelajar serta pelancong dari luar negara juga bakal memperoleh manfaat dari

penghasilan buku sekali gus merapatkan hubungan sesama masyarakat setempat.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada ke bawah Duli Duli Tuanku kerana telah sudi bercemar duli berangkat ke majlis berbuka puasa ini.

Patik sudahi dengan Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.